

Refleksi al-quran

Oleh **ABDULLAH BUKHARI
ABDUL RAHIM
AL-HAFIZ**

Pensyarah di Jabatan
Tilawah al-Quran,
Pusat Bahasa, UIAM
dan Timbalan
Presiden Murshid.



“**A**DUHAI! Semalam sebelum tidur aku semak dalam aplikasi MyDosa, dosaku baru bernilai RM27, kenapa tiba-tiba pagi ini angkanya naik mendadak sampai RM720,000? Adakah kerana mesej panas berkaitan nilai kecil ‘hibah Tabung Umrah Negara’ yang aku kongsi dalam *WhatsApp* sebelum tidur malam tadi?”

Kalaulah dosa manusia boleh ditukar digital dalam aplikasi telefon pintar, dialog di atas mungkin menjadi kenyataan. Pasti ramai pengguna media sosial yang miliki aplikasi penyemak dosa harian ini akan terkejut besar dengan peningkatan mendadak dosanya hanya dalam beberapa jam sahaja.

Boleh jadi dosanya kerana sebar hadis palsu atau berita tidak benar. Boleh jadi juga kerana berkongsi aib orang atau boleh jadi dia berkongsi mesej sarat dosa kepada 20 kumpulan *WhatsApp* yang disertainya lalu dipanjangkan pula oleh seramai 250 ahli dalam setiap kumpulan.

Hasilnya, tuaian dosa melalui telefon pintar bercambah subur tanpa sedar hanya dalam masa beberapa jam sahaja.

Sedarlah, walaupun kita nyenyak tidur, dosa kita boleh berjalan laju kerana bencana tangan kita. Inilah sebabnya Allah menyebut tangan adalah ‘penderhaka jasad’ yang menjerumuskan tuan badan dalam kesusahan:

Sebagaimana firman-Nya bermaksud: “(Azab seksa) yang demikian itu ialah disebabkan apa telah dilakukan



oleh tangan kamu sendiri, kerana sesungguhnya Allah tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-Nya.” (al-Anfal: 51)

Walaupun kita tidur, malaikat tidak berhenti bekerja walaupun tangan yang berkongsi mesej dosa sudah terkulai dibuai mimpi. Firman Allah ertinya:

“Semasa dua malaikat (yang mengawal dan menjaganya) menerima dan menulis segala perkataan serta perbuatannya; yang satu duduk di sebelah kanannya, dan yang satu lagi di sebelah kirinya. Tidak ada sebarang perkataan dilafzkannya (atau perbuatan dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya).” (Qaf : 17-18)

Apa yang pasti, mustahil segala dosa kita mampu dikawal selia dengan aplikasi bernama MyDosa kerana ia adalah perkara ghaib yang hanya diketahui Allah. Kehidupan manusia moden sudah berubah sama

PEDOMAN

- Saham dosa boleh membuak-buak dalam media sosial jika disalah guna.
- Malaikat tidak pernah terlepas pandang untuk mencatat segala amalan manusia.
- Elakkan terlalu berdampingan dengan telefon pintar sehingga melalaikan.
- Wujudkan aplikasi MyDosa peribadi berteraskan al-Quran dan sunah.

sekali kerana telefon pintar sudah menjadi umpama ‘oksigen’ mereka.

BAHANA TELEFON PINTAR

Resah tertinggal telefon pintar jauh lebih berat mencengkam jiwa berbanding resah tertinggal kad pengenalan atau lesen memandu. Seakan separuh hidup manusia moden sudah ditakluki telefon pintar.

Tanpa mengira masa, telefon pintar sentiasa di tangan. Kalau boleh dalam solat pun mahu ditengung telefon pintar bimbang ada maklumat terlepas pandang. Ternyata manusia moden sudah dirasuk ‘hantu’ telefon pintar. Hantu yang tidak memintarkan kita.

Bukan hanya penjajahan teknologi, majoriti dosa dan pahala manusia juga dijana oleh telefon pintar. Kalau pintar

bertindak, pahala boleh diraih dengan mudah dan banyak. Tapi awas! Banyak pintu dosa terbuka melalui telefon pintar.

Tanpa perlu berpeluh melangkah jauh atau mengerah tenaga jantan, pintu dosa alam maya boleh dibuka hanya dengan jari jemari yang gemalai.

Jika dahulu ahli umpat keji beroperasi di tangga rumah, pangkin rehat bawah rimbunan pokok, meja sidang kedai kopi atau pantri pejabat, namun kini lain situasinya, telefon pintar sudah mengganti semua lokasi itu.

Aktiviti mengumpat jadi mudah melalui pelbagai aplikasi telefon pintar seperti *WhatsApp* dan *Facebook*. Sesetengah kumpulan yang ekstrem bukan lagi ‘membawang’ tetapi sudah sampai tahap ‘menumis’ dengan bahan masakannya daging saudara sendiri. (Rujuk al-Hujurat: 12)

Tambah parah apabila yang ‘dilapah dan dibaham’ dalam umpatan media sosial itu adalah daging beracun para ilmuwan yang ikhlas bersuara dalam berbagai isu agama.

Apabila pendapat si ilmuwan tidak seiring selera mereka, maka si ilmuwan terus ‘dimasak’ secara berjemaah dalam media sosial tanpa segan silu. Lebih menyedihkan, apabila cerca kepada ilmuwan dibuat tanpa membaca atau mendengar sepenuhnya penjelasan mereka.

Dahulu, aurat sukar didedahkan di hadapan khalayak. Mahkota malu dipasang kemas di kepala sebagai lambang kemuliaan akal. Sekarang sesetengah perempuan sanggup mencampak sifat malu kerana ghairah mencari *like* orang ramai.

WUJUDKAN DALAM HATI

Walaupun penciptaan aplikasi MyDosa memang mustahil, tetapi penulis berasakan ia tetap perlu ada. Wujudnya tidak semestinya dalam telefon pintar tetapi dalam diri setiap Muslim.

Inspirasikan sabda Rasulullah ini ertinya: “*Sesungguhnya orang beriman (sangat gerun) melihat dosanya seperti dia sedang berdiri di bawah ‘bukit’ yang dirisaukan menyimpannya, manakala orang jahat pula hanya melihat dosanya seperti seekor lalat melintasi hidung.*” - Sahih Bukhari

Aplikasi jiwa yang berpandukan iman dan takwa pastinya berkesan mengekang pacuan dosa para pengguna teknologi ini. Sebelum berbuat sesuatu dalam media sosial seperti komen, kongsi atau tulis, rujuklah aplikasi MyDosa yang ditentangkan al-Quran dan sunah.

Semoga ia menjadi semak harian yang benar-benar menjaga kepintaran kita ketika menggunakan telefon pintar. Bahkan jika aplikasi jiwa itu dijana sepenuhnya dengan takwa, para pengguna telefon pintar akan selamat kerana tahu beza antara hitam dosa dan putih pahala.

Semoga firman Allah ini menjadi panduan kita semua ertinya: “*Wahai orang yang beriman! Jika kamu bertakwa kepada Allah, nescaya Dia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara benar dengan salah, dan menghapuskan kesalahan kamu, serta mengampunkan (dosa) kamu. Dan Allah (sememangnya) mempunyai limpah kurnia yang besar.*” (al-Anfal: 29)

